

**Beri laluan selamat jika Najib letak jawatan, kata wartawan veteran
The Malaysian Insider
Oct 5, 2015**

Datuk Seri Najib Razak harus diberi kebebasan daripada sebarang pendakwaan sekiranya beliau bersetuju meletak jawatan sebagai perdana menteri, kata wartawan veteran Datuk A Kadir Jasin sementara gesaan dibuat supaya beliau berundur.

"Saya katakan sekali lagi. Marilah kita berikan beliau (Najib) laluan yang selamat. Marilah kita permudahkan beliau meletakkan jawatan.

"Kita perlu tanya diri kita, mana lebih penting – memastikan beliau melalui percabaran atas tuduhan rasuah atau menyelamatkan negara?" soal Kadir dalam tulisan baharu di blognya hari ini.

Saranan Kadir itu dibuat susulan tindakan pihak lawan yang mempergiatkan kempen menyingkirkan Najib melalui usul undi tidak percaya di Parlimen.

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, antara pemimpin paling lantang menuntut peletakan jawatan beliau, baru-baru ini turut mengakui sukar untuk menyingkirkan Najib kerana beliau dikhuatiri bimbang akan berdepan tuduhan rasuah.

"Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menyebut apa-apa yang baharu apabila beliau berkata Najib tidak akan berundur kerana dia takut ditangkap dan didakwa, dan ringgit akan pulih jika dia meletak jawatan," kata Kadir.

Menurut Kadir, Najib gusar beliau akan diseret ke mahkamah jika melepaskan jawatannya, hilang kawalan ke atas polis, Bank Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kadir menyokong hujahnya itu menggunakan contoh presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, dan presiden Ferdinand Marcos serta isterinya Imelda dari Filipina.

Mugabe, 91, menggunakan taktik tipu helah bagi bergayut pada kuasa selama 35 tahun dan menjarah kekayaan Zimbabwe sehingga ekonomi negara itu lumpuh.

"Dollar Zimbabwe kini mata wang yang tidak laku lagi. Jun lalu, ia ditarik daripada edaran kerana rakyat Zimbabwe sendiri tidak mahukannya lagi," tulis Kadir.

"Adakah kita mahukan beliau bertindak seperti Mugabe dengan kekal berkuasa walau apa cara sekali pun sewaktu ekonomi negara semakin punah? Atau kita berikannya peluang berundur dengan selamat?"

Dalam kes Filipina, pasangan Marcos hanya berundur apabila Amerika Syarikat dan penggantinya iaitu Corazon Aquino memberi jaminan mereka akan selamat.

Namun, kesan pemerintahan selama 21 tahun pasangan tersebut membawa kesan

berkekalan kepada Filipina.

"Marcos sudah lama tiada namun Filipina sehingga kini belum pulih daripada perbuatan beliau dan isterinya," tulis Kadir. – 5 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/beri-laluan-selamat-jika-najib-letak-jawatan-kata-wartawan-veteran>